

HUBUNGAN ANTARA KONSEP REZEKI DAN PERSEPSI TERHADAP RISIKO DALAM PERSAINGAN PERNIAGAAN MENGGUNAKAN ANALISIS SPEARMAN'S RHO

(The Relationship between the Concept of Sustenance and the Perception of Risk in
Business Competition using Spearman's Rho Analysis)

¹ ABDUL QAWI ABDUL HALIM

^{1,2} MOHAMAD SABRI HARON

¹ Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia, Bandar Baru Bangi, 43650,
Selangor, Malaysia

² Pusat Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bandar Baru Bangi,
43650, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Kebanyakan usahawan Melayu tidak memahami konsep rezeki yang merupakan sebahagian daripada qada dan qadar. Hal ini dizahirkan dengan tindakan mereka yang sentiasa menyalahkan orang lain jika berlaku kerugian seperti yang dilaporkan media tempatan. Terdapat beberapa kajian yang mengaitkan perkataan risiko dan rezeki dalam Bahasa Arab. Namun begitu, dua perkataan ini mempunyai definisi dan makna yang berbeza. Rezeki menurut Tasawwur Islam adalah sesuatu yang dijamin dan ditentukan ketentuannya. Artikel ini bertujuan menganalisis hubungan antara konsep rezeki yang boleh diusahakan dan persepsi risiko persaingan perniagaan. Satu kajian rintis menggunakan analisis Spearman's rho telah dilaksanakan pada tahun 2019 melibatkan 30 orang peniaga Melayu di sekitar Lembah Klang. Makalah ini untuk mengenal pasti tanggapan peniaga tentang konsep rezeki dan risiko persaingan perniagaan. Keputusan analisis ujian korelasi Spearman menunjukkan bahawa hubungan antara kefahaman tentang konsep rezeki dan penilaian risiko persaingan adalah tidak signifikan ($r = .122, p > .05$).

Kata kunci: Rezeki; risiko; persaingan; usahawan; qada dan qadar;

ABSTRACT

Most of Malay entrepreneurs do not understand the concept of sustenance that is part of qada and qadar (the devine decree and the predestination). This is reflected on the actions of those who constantly blame others in the event of a loss as reported by the local media. There are several studies that associate the word risk and rizq in Arabic. However these two words bear different meaning. Providence according to Islamic Worldview is guaranteed and determined by Allah Almighty. This paper aims to analyze the relationship between the concept of sustenance and the perception of risk in business competition. A pilot study using Spearman's rho analysis was conducted in 2019 involving 30 Malay traders in the Klang Valley. This study identifies traders' perceptions of the concept of rizq and business competition. The results of Spearman's correlation test analysis showed that the relationship between understanding of the concept of rizq and competition risk assessment was not significant ($r = .122, p > .05$).

Keywords: *Rizq; risk; competition, entrepreneur; qada 'and qadar;*

PENGENALAN

Persaingan adalah lumrah perniagaan. Namun begitu, dalam suasana pasaran yang terdiri daripada pelbagai latar belakang pembekal dan pelanggan, masih wujud suasana persaingan kurang sihat. Laporan media terutamanya dari media berbahasa Melayu menunjukkan terdapat kelakuan peniaga yang cenderung menyalahkan orang lain sekiranya berlaku kerugian dalam aktiviti perniagaan.

Kesedaran tentang konsep rezeki dalam perniagaan dilihat agak rendah. Merujuk kepada laporan media tempatan berkenaan kes pembunuhan, portal Berita Harian (Nor Fazlina 2019) melaporkan bahawa jenayah yang berlaku dalam masyarakat mempunyai hubungan langsung dengan isu dengki membabitkan perniagaan. Kelakuan ini menzahirkan rasa iri hati dan perasaan hasad dengki yang dipendam oleh suspek terhadap mangsa. Lebih menyedihkan apabila suspek tersebut merupakan individu Muslim.

Kajian sarjana terdahulu berkenaan konsep rezeki adalah tertumpu kepada kajian penafsiran berteraskan kajian ilmu wahyu dan sangat terhad. Habib Ahmad Nurhidayatullah (2015) memberi penafsiran konsep rezeki dengan mengungkap makna perkataan rezeki dari sudut pandang kitab *Tafsir Al-Azhar* karangan Prof. Haji Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah dengan menyetengahkan konsep rezeki material dan non material. Selain itu, terdapat sarjana yang melaksanakan kajian bagi memahami konsep rezeki berteraskan ilmu tafsir dengan mengintegrasikan dengan konsep rantaian makanan dalam bidang sains. Sodikin (2016) menekankan komponen

penyusunan ekosistem alam sebagai hujah saintifik yang mengaitkan penafsiran rezeki setiap makhluk itu dijamin.

Walau bagaimanapun, dengan kewujudan rujukan literatur yang sangat terhad, terdapat satu kajian yang dilaksanakan berteraskan kajian lapangan. Kajian ini bertujuan untuk mengembangkan lagi penelitian kajian sarjana sebelum ini berkenaan konsep rezeki dalam perniagaan melalui kajian lapangan menggunakan kaedah dokumentasi, pemerhatian dan wawancara. Achmad Kurniawan Pasmadi (2009) merupakan sarjana yang menjalankan kaji selidik tentang topik konsep rezeki dalam pandangan para pedagang pasar di Kleco Surakarta. Kajian tersebut bertujuan untuk meneliti kefahaman pedagang tentang makna rezeki, hakikat rezeki dan sebab rezeki.

Signifikan kajian ini adalah untuk memperbaiki instrumen soal selidik kajian lapangan sebelum ini dengan menggunakan instrumen kaji selidik dan pendekatan analisis *Spearman-rho*. Selain itu pengkaji telah menambahkan risiko persaingan sebagai pemboleh ubah baharu berdasarkan literatur yang mengaitkan leksikon perkataan rezeki dan risiko. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tanggapan peniaga tentang konsep rezeki dan risiko persaingan perniagaan.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian dan penyelidikan dilaksanakan untuk memahami maksud risiko. Risiko ditakrifkan sebagai kemungkinan mendapat bahaya atau kerugian (Pusat Rujukan Persuratan Melayu 2017). Kajian yang dilakukan oleh Mohamed Elgari (2003), Althaus (2005), Matthias dan Kewell (2014), serta Nurul Syazwani (2018) mengakui risiko adalah perkataan komersial yang diambil dari perkataan, *rizq* (رزق) yang berasal dari bahasa Arab.

Walau bagaimanapun, *rizq* dalam bahasa Arab memberi makna yang bertentangan. *Risq* ditakrifkan sebagai sesuatu yang diperuntukkan oleh Tuhan, keperluan hidup dan aktiviti-aktiviti yang menjana keuntungan (Althaus 2005). Mohamed Elgari (2003) dalam penulisannya membincangkan tentang “Risiko Kredit dalam Perbankan dan Kewangan Islam” telah menyatakan bahawa apa pun risiko yang disebabkan oleh manusia dianggap berasal dari Allah SWT dan manusia sepatutnya gembira dengannya. Amalan mencari rezeki pula sinonim dengan peribahasa “cari makan” (Pusat Rujukan Persuratan Melayu 2017) dalam budaya orang Melayu telah berubah merentasi masa. Rekod sejarah telah mengenal pasti bahawa orang Melayu merupakan komuniti pedagang dan pelayar yang mahir. Walau bagaimanapun, seiring dengan berlalunya masa, orang Melayu melihat diri mereka sebagai “ketinggalan”, terutamanya dalam aktiviti perniagaan (Al-Attas 2013).

Akhir-akhir ini, tabiat membenci risiko persaingan dilihat sangat sinonim dalam masyarakat Melayu. Persaingan adalah risiko perniagaan paling asas, dan ianya amat penting dalam persekitaran kerja usahawan. Perniagaan adalah persaingan. Semua orang berusaha menghasilkan produk dan perkhidmatan mereka menonjol. Persaingan dalam perniagaan ditakrifkan sebagai mana-mana orang atau entiti yang menawarkan produk dan perkhidmatan yang serupa (Clayton 2005). Secara teorinya, kehadiran satu atau lebih pesaing memberi kebaikan kepada pengguna kerana mampu menurunkan harga barangan atau perkhidmatan apabila syarikat cuba mendapatkan bahagian pasaran yang lebih besar. Seorang Muslim diasuh untuk percaya kepada qada dan qadar, iaitu sebahagian dari rukun iman seperti yang dilaporkan dalam hadis riwayat Imam Muslim (Halaman Mutiara Hadis SIGIR UITM 2007):

“...Kemudian orang itu berkata pula, ‘Terangkanlah kepadaku tentang Iman!’ Jawab Nabi SAW, ‘Iman ialah: (1) Iman dengan Allah SWT; (2) Iman dengan para malaikat-Nya; (3) Iman dengan Kitab-kitab-Nya; (4) Iman dengan para Rasul-Nya; (5) Iman dengan qadar baik mahupun buruk.’...”

(Hadis Sahih Muslim Jilid 1. Hadis Nombor 0001.)

Perbincangan tentang rezeki menurut Islam hendaklah terikat dengan konsep qada dan qadar, bersesuaian dengan firman Allah SWT dalam surah (al-Ankabut 29: 62):

“Allah SWT melapangkan rezeki bagi siapa yang dikehendaki-Nya di antara hamba-hambanya dan Dia (pula) yang menyempitkan baginya. Sesungguhnya Allah SWT Maha Mengetahui segala sesuatu”.

Jika diperhatikan susunan dan penggunaan bahasa Arab dalam ayat ini, kelapangan dan kesempitan yang disebut dalam ayat ini terlebih dahulu terikat dengan sesuatu yang dikehendaki (قدر) menurut Allah SWT. Perkataan (يقدر) dalam ayat ini disebut menggunakan (فعل مضارع), iaitu kata kerja yang merujuk kepada perbuatan semasa atau masa hadapan. Perkataan (يقدر) merujuk bahawa pengetahuan qadar Allah SWT telah ditetapkan berlaku meliputi kerangka masa kini dan akan datang, dan semua yang berlaku dengan izin Allah SWT. Justeru, berdasarkan ayat ini wajarlah perbincangan tentang rezeki dibuat dengan melibatkan konsep qada dan qadar.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Malaysia melalui laman web rasmi menerangkan qada dan qadar bersesuaian dengan aras kefahaman umum. Qada merupakan istilah bahasa Arab yang bermaksud meletak dan memutuskan sesuatu hukum. Menurut Kamus Almaany (2019), qada secara literalnya bermaksud pertimbangan atau kata putus. Maksud qada dari sudut syarak ialah perkara yang diputuskan oleh Allah SWT terhadap segala makhluk-Nya sama ada dari sudut menciptakannya, meniadakannya

atau mengubahnya. Qada menzahirkan bahawa Allah SWT mencipta seseorang itu dengan keadaan dia mempunyai pilihan dalam memberi kata putus tentang sesuatu. Manakala qadar adalah istilah bahasa Arab yang bermaksud menetapkan sesuatu dengan kadar tertentu. Qadar dari istilah syarak ialah perkara yang ditetapkan kadarnya oleh Allah SWT semenjak azali, supaya ia terjadi mengikut ilmu Allah SWT yang mendahului semua perkara (Irsyad Fatwa 2019).

Rezeki kita dijamin oleh Allah SWT seperti yang disebut dalam surah (Hud 11: 6):

“Dan tidak ada suatu binatang melata pun di bumi melainkan Allah SWT yang memberikannya rezeki, dan Dia mengetahui tempat berdiam binatang itu dan tempat penyimpanannya. Semuanya tertulis dalam Kitab yang nyata (Lauh Mahfuzh)”.

Pada masa yang sama, al-Quran menjelaskan kepada orang-orang yang beriman bahawa Allah SWT berkuasa meluaskan rezeki dan Dia mempunyai kuasa untuk membatasi rezeki menurut kehendak-Nya seperti dalam surah (Saba’ 34:39):

“Katakanlah (wahai Muhammad): “Sesungguhnya Tuhanku memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya di antara hamba-hamba-Nya, dan Dia juga yang menyempitkan baginya; dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah SWT akan menggantikannya; dan Dialah jua sebaik-baik pemberi rezeki”.

Walau bagaimanapun, amatlah penting bagi umat Islam untuk belajar menerima qada dan qadar serta belajar mengenali rezeki yang baik serta cara mendapatkannya. Merujuk kepada artikel Irsyad Fatwa daripada Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, rezeki secara umumnya dibahagi kepada dua kategori iaitu rezeki yang sudah ditetapkan tanpa perlu dicari dan rezeki yang perlu dicari. Mendapatkan rezeki yang perlu dicari perlu dipadankan dengan usaha dan strategi untuk memperolehinya. Sebagai orang yang beriman kepada qada dan qadar, Muslim wajib menerima ketetapan yang diberi Allah seiring dengan usaha mengenalpasti dan meningkatkan kualiti kebolehan diri (Irsyad Fatwa 2017). Hal ini amat secara tidak langsung membantu diri mengawal rasa dengki dan iri hati dan bersaing secara sihat dalam pasaran.

METODOLOGI

Kajian ini berbentuk tinjauan menggunakan 30 orang responden. Teknik pensampelan secara rawak digunakan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada populasi peniaga di kawasan Lembah Kelang. Kajian ini menyentuh beberapa tingkah laku bangsa Melayu, mengenali perspektif mereka tentang Islam yang memberi kesan kepada perkembangan budaya, sosial dan ekonomi. Analisis data menggunakan kajian

korelasi *Spearman's rho* dipilih kerana sampel kajian dipilih secara rawak daripada populasi asal.

Soal selidik ini mempunyai tiga bahagian iaitu bahagian A, bahagian B dan maklumat demografi responden. Soalan-soalan di bahagian A mempunyai 5 soalan asas menilai tanggapan peniaga berkenaan konsep rezeki berdasarkan dalil-dalil daripada al-Quran dan Hadis. Soalan pertama adalah berkenaan penilaian peniaga tentang bekerja mencari rezeki yang halal. Soalan kedua meminta peniaga meletakkan penilaian tentang rezeki menurut Islam adalah sesuatu yang dijamin. Soalan ketiga pula meminta peniaga memberi penilaian tentang rezeki menurut Islam adalah sesuatu yang ditentukan kadarnya. Seterusnya, soalan keempat meminta peniaga meletakkan penilaian tentang mencari rezeki adalah ibadah dalam Islam. Bagi soalan kelima, peserta diminta memberi penilaian tentang menjaga silaturrahim dengan keluarga sebagai satu amalan mudah rezeki.

Manakala soalan-soalan di bahagian B mempunyai 3 soalan, memberikan ruang untuk responden menilai situasi mereka ketika menghadapi persaingan. Tiga soalan yang diletakkan di bahagian B menyentuh tentang penilaian risiko persaingan dalam perniagaan seperti penilaian tentang peranan ilmu pasaran dalam membantu operasi menjual barang dan perkhidmatan. Soalan kedua pula meminta peniaga memberi penilaian tentang kewujudan pesaing yang menjual barang dan perkhidmatan yang sama di dalam pasar yang sama dengan mereka. Soalan yang terakhir meminta peniaga memberi penilaian tentang pesaing yang menjual barangan dan perkhidmatan yang sama di sebelah kedua mereka.

Soalan-soalan dibina berasaskan Skala Likert dengan memberi nilai “Sangat Setuju”, “Setuju”, “Agak Setuju”, “Tidak Setuju” dan “Sangat Tidak Setuju” ke atas soalan-soalan yang diberikan. Jumlah skor ordinal bahagian A dan bahagian B kemudian dikumpul dan dimasukkan dalam pengiraan ujian korelasi *Spearman's Rho*.

Ujian korelasi *Spearman's Rho* hanya mempamerkan kekuatan korelasi tanpa menjelaskan hubungan sebab-akibat kedua-dua pemboleh ubah yang dikaji. Limitasi perbincangan ini tertakluk kepada menganalisis perhubungan antara data-data yang tidak bertaburan normal. Berdasarkan pekali korelasi (r) yang diperolehi menggunakan kaedah ini, pengkaji berupaya menceritakan pengaruh suatu pemboleh ubah pada pemboleh ubah lain (Chua 2013). Kajian korelasi berperanan sebagai analisis, sebelum analisis yang lebih mendalam dilakukan ke atas pemboleh ubah kajian. Korelasi juga digunakan untuk mengetahui pemboleh ubah yang boleh mengganggu kajian yang lebih teliti seperti analisis ANCOVA dan ANOVA. Analisis awal ini berperanan sebagai kayu ukur dan tinjauan permulaan untuk pengkaji menguji kesesuaian kesan-akibat pemboleh ubah yang dicadangkan.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Jadual 1 menunjukkan ciri-ciri responden untuk kajian ini berdasarkan data dari bahagian maklumat demografi responden. Secara umum, kesemua responden adalah pemilik perniagaan yang bekerja sendiri di tapak perniagaan masing-masing. Majoriti responden adalah golongan muda berumur antara 26 tahun hingga 30 tahun (46.67%), diikuti mereka yang berumur 17 tahun hingga 25 tahun (30.00%), seterusnya mereka yang berusia 31 tahun hingga 40 tahun (16.67%) dan mereka yang berusia 41 tahun hingga 60 tahun (6.67%).

Lebih separuh responden mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada RM 3,000 (76.67%), manakala sebahagian mereka mempunyai pendapatan antara RM 3,000 hingga RM 5,000 sebulan (16.67%) dan pendapatan bulanan antara RM 5,000 hingga RM 10,000 (6.67%). Selain itu, majoriti responden terdiri daripada mereka yang menjual barangan atau perkhidmatan yang tiada perkaitan langsung dengan tender kerajaan (73.33%). Namun, terdapat juga responden yang menyatakan bahawa perniagaan mereka mempunyai sedikit perkaitan dengan tender kerajaan (16.67%), dan juga responden yang mempunyai perkaitan perniagaan yang sederhana banyak dengan tender kerajaan (10.00%).

JADUAL 1 Profil Responden

n= 30		
	Aspek	Peratusan (%)
Julat Umur	17 tahun - 25 tahun	30.00
	26 tahun - 30 tahun	46.67
	31 tahun - 40 tahun	16.67
	41 tahun – 60 tahun	6.67
Julat Pendapatan Bulanan	Kurang daripada RM 3,000	76.67
	Antara RM 3,000 – RM 5,000	16.67
	Antara RM 5,000 – RM 10,000	6.67
Perkaitan Langsung	Tiada perkaitan langsung	73.33
Perniagaan dengan Tender Kerajaan	Sedikit perkaitan langsung	16.67
	Sederhana banyak perkaitan langsung	10.00

Kajian ini menggunakan analisis non-parametrik, yang menganalisis perhubungan antara data-data kajian yang tidak bertaburan normal dan akan membawa kesimpulan bagi menunjukkan perkaitan antara pemboleh ubah yang diuji. Merujuk kepada Jadual 2, hasil analisis ujian korelasi *Spearman's Rho* Menunjukkan nilai pekali korelasi, $r = 0.122$, $p = 0.520$ ($p < 0.05$). Ini bermakna tiada hubungan yang signifikan antara kefahaman tentang konsep rezeki dan penilaian risiko persaingan.

JADUAL 2 Keputusan Ujian Korelasi *Spearman's Rho* Menggunakan SPSS Korelasi

		Kefahaman Tentang Konsep Rezeki	
Spearman's Rho	Kefahaman Tentang Konsep Rezeki	Pekali Korelasi	1.000
		Signifikan (ekor-2)	
		N	30
	Penilaian Risiko Persaingan	Pekali Korelasi	.122
		Signifikan (ekor-2)	.520
		N	30

Dapatan ini mencadangkan bahawa konsep rezeki dan risiko persaingan hendaklah dibincangkan dalam lapangan berbeza. Hal ini kembali kepada fakta bahawa definisi rezeki dan risiko adalah berbeza walaupun mempunyai perkaitan leksikon perbendaharaan kata (Althaus 2005).

Harus dijelaskan bahawa rezeki masing-masing sudah ditetapkan walaupun sekuat mana persaingan persaingan diberikan. Dapatan kajian ini dilihat menambah nilai dapatan kajian (Achmad Kurniawan Pasmadi 2009) yang pernah melaksanakan kajian lapangan berkenaan konsep rezeki menggunakan kaedah dokumentasi, pemerhatian dan wawancara. Dapatan kajian beliau mendapati kefahaman pedagang di pasar Kleco Surakarta adalah tidak seragam tentang rezeki.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian ini, rezeki dan risiko persaingan didapati tidak mempunyai hubungan langsung dan sewajarnya dibahaskan dalam lapangan berbeza. Ujian korelasi *Spearman's Rho* yang cuba mengaitkan kefahaman konsep rezeki dan penilaian risiko persaingan dalam perniagaan gagal mempamerkan kekuatan korelasi tanpa menjelaskan hubungan sebab-akibat antara keduanya.

Namun begitu, Badan-badan kerajaan, terutamanya badan yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam, dicadangkan memainkan peranan dengan mengadakan kursus pencerahan berkenaan konsep rezeki dalam perniagaan dan bagaimana untuk menguruskan risiko persaingan dalam perniagaan, sebagai langkah untuk mewujudkan persaingan yang sihat dalam kalangan peniaga dan usahawan Melayu. Hal ini kerana suasana persaingan yang kurang sihat boleh mencetuskan banyak perkara yang tidak diingini. Pendidikan formal tentang konsep rezeki perlu dititikberatkan, kerana pemahaman yang baik terhadap konsep rezeki dapat meningkatkan prestasi peradaban ekonomi dan menyelesaikan isu menyalahkan orang lain dalam kalangan usahawan Melayu terutamanya apabila mereka mengalami kerugian dalam perniagaan.

Secara tuntasnya, berdasarkan hujah-hujah yang terdapat dalam al-Quran dan hadis menunjukkan bahawa rezeki terikat dengan qada dan qadar. Konsep rezeki mengajar manusia berperilaku dengan cara yang baik, dan berusaha sedaya upaya untuk mendapatkan kelangsungan hidupnya.

RUJUKAN

- Achmad Kurniawan Pasmadi. 2009. *Konsep Rezeki dalam Pandangan Para Pedagang Pasar*. Fakultas Agama Islam Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- al-Attas, Syed Hussein. 1989. *Mitos Peribumi Malas*. Ampang/Hulu Kelang: Pustaka Cipta Sdn. Bhd.
- Almaany. 2019. Almaany.com. <https://www.almaany.com/ar/dict/aren/%D9%82%D8%AF%D8%B1> [17 September 2019].
- Althaus, Catherine E. 2005. *A Disciplinary Perspective on the Epistemological Status of Risk*. Risk Analysis, Vol. 25, No. 3, 2005.
- Chua Yan Piaw. 2013. *Asas Statistik Penyelidikan Edisi Kedua*. Malaysia McGraw Hill Education.
- Clayton, Gary E. 2005. Glencoe Economics Principle and Practice. *Teacher* (86). The McGraw-Hill Companies, Inc.
- Elgari, Mohamed. 2003. Credit Risk in Islamic banking and finance. *Islamic Economic Studies* 10 (2): 1-25.
- Halaman Mutiara Hadis SIGIR UiTM. 2007. *Sahih Muslim: Qadar*. <https://sigir.uitm.edu.my/webhadis/dapatQH.php?bukhari=1&muslim=1&mula=0&pmula=1&dan=1&akar=qadar+baik&go=Cari> [17 September 2019].
- Habib Ahmad Nurhidayatullah. 2015. *Konsep Rezeki Menurut Hamka dalam Tafsir Al Azhar*. Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Irsyad Fatwa. 2019. *Irsyad al-Fatwa ke-2: Maksud Qada' & Qadar*. <https://bayanlinnas.com/641/> [17 September 2019].
- Irsyad Fatwa. 2017. *Irsyad Fatwa ke-203: Adakah Allah Sekat Rezeki Saya?*. <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/729-irsyad-fatwa-ke-203-adakah-allah-sekat-rezeki-saya>. [17 September 2019]
- Matthias, Beck, & Kewell Beth. 2014. *Risk: A study of its origins, history and politics*. World Scientific. t.tp: t.pt.

- Al-Mubarakfuri. 2008. *Shahih Tafsir Ibnu Katsir*. Terj. LC Abu Ahsan Sirojuddin Hasan Bashri. Bogor, Indonesia: Pustaka Ibnu Katsir.
- Nor Fazlina Abdul Rahim. 2019. Abe Mie ditembak enam das di depan anak. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/02/530463/abe-mie-ditembak-enam-das-di-depan-anak> [17 September 2019].
- Nurul Syazwani Mohd Noor, Abdul Ghafar Ismail & Muhammad Hakimi Muhammad. 2018. Shariah risk: Its origin, definition and application in Islamic Finance. *SAGE Open* 8(2): 1-12. <https://doi.org/10.1177/2158244018770237>.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. 2017. *Kamus Bahasa Melayu: Cari Makan*. <http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=cari+makan> [17 September 2019].
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. 2017. *Kamus Bahasa Melayu: Rezeki*. <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=risiko> [17 September 2019].
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. 2017. *Kamus Bahasa Melayu: Rezeki*. <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=rezeki> [17 September 2019].
- Sodikin. 2016. Konsep Rezeki dalam Perspektif Sains. *Jurnal Al-Makrifat* 1(1), April 2016.